

Konvensyen MIC sokong Pak Lah, terima kasih kepada Dr. M

UM - 9 NOV 2003

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Konvensyen Kebangsaan Pengerusi-Pengerusi MIC esok akan meluluskan tiga usul, antaranya menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan ucapan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Konvensyen yang dijangka dihadiri lebih 10,000 ahli parti itu juga dijadual membahaskan usul menyokong kepimpinan Presidennya, Datuk Seri S. Samy Vellu supaya kekal menerajui MIC.

Samy Vellu ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* memberitahu, agenda utama konvensyen ialah menggerakkan jentera parti menghadapi pilihan raya umum ke-11 dengan meminta semua cawangan MIC berkerja keras untuk memastikan kemenangan besar Barisan Nasional (BN).

“Kita akan minta seluruh cawangan melicinkan jentera kerja dan bekerjasama erat dengan parti komponen dalam BN di setiap bahagian untuk mendapatkan sokongan rakyat,” katanya hari ini.

Konvensyen itu akan disiarkan secara langsung menerusi rancangan *Selamat Pagi Malaysia* di saluran *TV1*.

Abdullah dijadual menyampaikan ucapan sulungnya sebagai Perdana Menteri pada konvensyen anjuran MIC yang akan berlangsung di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor Seksyen 7, Shah Alam, Selangor.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung UMNO dijangka membentangkan satu kertas kerja bertajuk Strategi Menghadapi Pilihan Raya pada konvensyen berkenaan.

Sementara itu, Setiausaha Agung MIC, S. Sothinathan pula berkata, sokongan padu terhadap Abdullah pada konvensyen itu adalah penting kerana ia sebagai menyatakan pendirian MIC.

“Malah, konvensyen ini merupakan perhimpunan politik pertama dianjurkan secara besar-besaran selepas Abdullah dilantik menjadi Perdana Menteri.